

18 AUG 2000

MB-Reaksi

DR KHIR MEMPUNYAI KUALITI BAIK DAN BOLEH MENTADBIR, KATA MAT TAIB

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Tan Sri Muhammad Muhaamad Taib hari ini berkata Umno Selangor mengalu-alukan pelantikan Dr Mohamad Khir Toyo sebagai Menteri Besar Selangor yang baru dan akan memberi sepenuh kerjasama kepada beliau.

"Kita anggap pelantikan sebagai pelantikan yang ditunggu-tunggu selepas spekulasi selama seminggu," kata Muhammad, seorang Naib Presiden Umno.

Beliau berkata Umno Selangor tidak ada masalah dengan pelantikan itu.

Muhammad menyifatkan Dr Mohamad Khir walaupun muda "mempunyai kualiti and saya yakin dia boleh mentadbir dengan baik."

Bekas Menteri Besar itu berkata semasa beliau dilantik dahulu keadaannya lebih kurang sama kerana beliau dilantik daripada luar dan semasa itu Umno negeri mempunyai ramai orang lama yang berumur 50 hingga 60 tahun.

Bagaimanapun, beliau berkata jika ada persoalanpun mereka akan patuh kerana inilah disiplin yang perlu demi keutuhan parti.

Beliau berkata walaupun Dr Mohamad Khir tidak termasuk dalam senarai 11 calon yang dikemukakan, Umno Selangor ada menyatakan bahawa sekiranya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memilih calon selain daripada nama dalam senarai Umno Selangor akan memperakunya.

Umno Selangor akan bermesyuarat esok untuk memberikan sokongan secara rasmi, kata beliau.

"Banyak masa telah terbuang dalam tempoh seminggu dua ini dengan spekulasi, banyak lagi kerja perlu dilakukan," kata Muhammad.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaacob sambil mengalu-alukan pelantikan Dr Mohamad Khir, berkata pelantikan itu memberi peluang kepada pemimpin muda itu mengembangkan tugasnya.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata pelantikan Dr Mohamad Khir akan sedikit sebanyak memastikan kesinambungan dalam pentabiran negeri Selangor.

Beliau berkata semua ahli Umno Selangor mesti memberi sokongan kepada Dr Mohamad Khir untuk memastikan kelancaran pentabiran negeri itu.

"Kalau dia sampai kepada peringkat nasional bermakna dia adalah seorang yang berkebolehan...dulu-dulu pun banyak Menteri Besar yang dilantik di peringkat umur macam beliau," katanya.

Khalil juga yakin Perdana Menteri telah memberi pertimbangan dari semua aspek dalam membuat pelantikan itu.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu menyifatkan pemilihan Dr Mohamad Khir sebagai pilihan yang baik.

"Saya percaya pilihan Dr Mahathir adalah baik kerana beliau berpengalaman dalam arena politik," katanya ketika diminta mengulas pelantikan itu selepas merasmikan pertandingan Johan Kemahiran Ke-11 dekat Sungai Buloh di sini.

Bagaimanapun, Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata tugas sebagai Menteri Besar Selangor bukanlah satu tugas yang mudah kerana Selangor merupakan negeri yang paling maju dan banyak cabaran yang perlu dihadapi.

Antara cabaran itu ialah mengenai perumahan, perindustrian, bekalan air, jalan raya selain menjadikan Selangor sebagai negeri yang moden.

Pengerusi Perhubungan MIC Selangor Datuk G.Palanivel yang turut menyambut baik pelantikan itu, berkata MIC Selangor akan bekerjasama rapat dengan beliau bagi memajukan lagi negeri Selangor.

"Di bawah pentadbiran baru beliau, saya percaya lebih banyak kemajuan akan dapat dibawa," kata Palanivel, yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Zulkifli Alwi berkata pergerakan itu mengalu-alukan pelantikan Dr Mohamad Khir.

"Pada masa yang sama, Pemuda UMNO merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri di atas kepercayaan dan keyakinan yang beliau letakkan di atas seorang pemimpin dari generasi muda daripada UMNO," katanya kepada Bernama malam ini.

Beliau berkata pelantikan Dr Mohamad Khir juga membuktikan pucuk pimpinan parti dan kerajaan amat menghargai pemimpin muda dan generasi baru secara keseluruhannya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata pelantikan Dr Mohamad Khir adalah satu titik sejarah dalam pergerakan itu kerana buat pertama kalinya anggota Exco Pemuda Umno diberikan pengiktirafan memegang jawatan Menteri Besar.

"Saya dan semua anggota Pergerakan Pemuda Umno akan sentiasa memberikan sokongan serta dorongan kepada Dr Mohamad Khir dalam melaksanakan tanggungjawab baru itu," katanya dalam kenyataan di sini, malam ini.

Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata Dr Mohamad Khir merupakan seorang pemimpin muda yang ikhlas, jujur, komited dan berwibawa.

Pemuda Umno juga turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tan Sri Muhammad Muhammad Taib di atas pelantikan beliau sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, katanya.

Hishammuddin berkata beliau yakin gandingan, semangat muda dan pengalaman lama antara kedua-dua pemimpin itu akan mampu bukan sahaja meneruskan agenda pembangunan negeri Selangor, malah akan memantapkan badan perhubungan Umno negeri.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam menyifatkan pelantikan Dr Mohamad Khir sebagai tanda penghargaan kepada pemimpin belia sebagai generasi pelapis.

"Saya percaya Perdana Menteri telah memilih pemimpin pelapis baru untuk diketengahkan," katanya kepada pemberita di MELAKA.

Mohd Ali, yang juga Presiden Gerakan Belia 4B, berkata pemilihan Dr Mohamad Khir adalah satu penghargaan dan kepercayaan kepada golongan belia sebagai generasi pelapis kepimpinan negara.

"Saya mengenali dia (Dr Mohamad Khir) sebagai seorang pemimpin belia yang berwibawa dan mempunyai daya kepimpinan yang baik," katanya.

-- BERNAMA

MOZ AKD